

14/03/1999

Media asing diminta buat laporan tepat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua media asing membuat laporan dengan tepat dan berdasarkan fakta, kerana sebarang kesilapan atau 'pembobongan' fakta hanya akan memberi kesan buruk terutama ke atas ekonomi sesebuah negara seperti Malaysia.

Perdana Menteri berkata, maklumat tidak tepat atau berat sebelah, juga boleh menyebabkan kerajaan, syarikat dan pelabur membuat keputusan silap dan sekali gus memberi kesan tidak diingini.

Dengan mengambil contoh laporan tidak tepat beberapa media asing mengenai kejadian jerebu dan rusuhan yang berlaku di Malaysia tahun lalu, beliau berkata laporan seumpama itu memberi kesan buruk terhadap Malaysia terutama dari segi pelancongan dan kemasukan pelaburan ke negara ini.

"Kami tidak mahu media asing melaporkan Malaysia sebagai sebuah negara hebat, jika pada hakikatnya memang kami tidak hebat. Tetapi kami mahu media asing melaporkan berita mereka dengan tepat dan berpegang kepada fakta.

"Jika media asing meneruskan pembobongan terhadap laporan mengenai negara ini berulang kali, akhirnya ia dengan sendiri akan memberi kesan buruk termasuk menjejaskan kewibawaan agensi terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis perasmian pejabat baru Bloomberg (M) Sdn Bhd di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, beberapa laporan tidak tepat membabitkan negara ini seperti jerebu dan rusuhan yang berlaku tidak lama dulu, banyak mempengaruhi keputusan orang luar untuk melawat negara ini.

"Laporan mengenai jerebu mungkin contoh kecil, tetapi ia memberi kesan buruk ke atas negara ini. Media asing melaporkan mengenai kejadian jerebu, tetapi apabila masalah itu selesai, langit kembali biru...mereka 'lupa' untuk melaporkannya.

"Begitu juga dengan laporan membabitkan rusuhan yang berlaku di Kuala Lumpur, Kejadian itu berlaku tidak sampai satu jam, tetapi media asing melaporkan berulang-ulang sehingga lebih 24 jam.

"Laporan seperti itu menggambarkan Malaysia seperti sebuah negara yang tidak aman. Ia memberi kesan buruk ke atas orang luar.

"Orang asing yang tidak pernah datang ke sini mudah terpengaruh dengan laporan tidak tepat dilakukan secara berulang-ulang, menyebabkan mereka membuat keputusan untuk tidak datang ke Malaysia," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, sebenarnya banyak orang luar melahirkan rasa terkejut dengan suasana aman dan damai di negara ini.

"Ini adalah petanda bahawa mereka tidak mendapat maklumat tepat mengenai Malaysia," katanya.

Berikutan itu Dr Mahathir meminta Bloomberg berpegang kepada janji bahawa hanya akan menyiarkan pelbagai berita mengenai Malaysia, secara tepat dan berdasarkan fakta.

Beliau berkata, laporan tidak tepat oleh agensi berita antarabangsa tidak akan membawa faedah kepada sesiapa, malahan ia boleh menyebabkan mereka kehilangan pelanggan.

Dr Mahathir turut menegur penganalisis antarabangsa yang menulis mengikut fikiran sendiri atau berpihak kepada mana-mana pihak termasuk parti politik, ketika membuat komen yang boleh memberi kesan kepada pasaran saham.

Bloomberg adalah syarikat media dan khidmat maklumat yang beribu pejabat di New York dan mempunyai cawangan di 100 negara. Syarikat itu memulakan

operasinya di sini pada 1998.
(END)